



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

DALAM TANDAS PUN ADA ADAB-ADABNYA

(BILANGAN 244 BAHAGIAN AKHIR)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

2. Ketika Qadha Hajat

- i. Disunatkan supaya berat anggota badan dibebankan ke bahagian kiri dan mengangkat atau meringankan bahagian kanan. Kemudian merapatkan kedua-dua peha untuk memudahkan lagi qadha hajat.
- ii. Makruh buang air kecil dalam keadaan berdiri kecuali ada keuzuran. Maka pada ketika itu hukumnya tidak makruh dan tidak menyalahi yang utama (*khilaf al-awla*). Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh 'Aisyah *Radhiallahu 'anha*:

()

Maksudnya: “Barangsiapa yang mengatakan kepada kamu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam buang air kecil dalam keadaan berdiri, maka janganlah kamu

mempercayainya. (Sesungguhnya) Baginda tidak membuang air kecil kecuali dalam keadaan duduk.”

(Hadisi riwayat at-Tirmidzi)

- iii. Disunatkan supaya tidak melihat kemaluan, tidak memandang ke arah langit, tidak memerhatikan apa yang keluar dari dua kemaluan kecuali kerana maslahat, tidak mengoyang-goyangkan atau bermain-mainkan tangan (tanpa faedah atau tujuan) dan tidak (banyak) menoleh ke kiri dan ke kanan.
- iv. Ketika sedang qadha hajat, makruh berkata-kata walau apapun bentuknya samada dzikir ataupun bukan; seperti perkataan biasa, kecuali kerana darurat umpamanya memberi amaran kepada orang buta yang hampir jatuh ke dalam perigi dan seumpamanya. Bahkan kadang-kadang dalam keadaan seperti ini dihukumkan wajib (untuk berkata-kata dan memberi amaran).

Larangan ini difahami dari satu hadis Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Abu Sa‘id *Radhiallahu ‘anhu*:

()

Maksudnya: *“Janganlah dua orang lelaki pergi (untuk) memasuki satu tandas, (lalu) keduanya membuka aurat mereka (untuk qadha hajat sambil) berbual-bual. Sesungguhnya Allah ‘azza wajalla benci dengan (perbuatan) demikian itu.”*

(Hadis riwayat Abu Daud)

Sekalipun bukan dalam keadaan qadha hajat, maka disunatkan juga ketika berada dalam tandas agar tidak membaca sesuatu

dzikir atau al-Qur'an. Adapun kata-kata biasa sahaja, maka tiadalah makruh (*karahah*).

Apabila seseorang itu bersin, maka memadai dia mengucapkan tahmid dalam hati sahaja tanpa melafazkannya. Namun jika dia menggerak-gerakkan lidahnya tetapi tanpa mengeluarkan suara, maka perbuatan seperti ini tidak dihukumkan makruh. Sekiranya dia menyaringkan juga suaranya untuk mengucapkan tahmid dan didengar pula oleh orang lain, maka tidak dituntut bagi orang yang mendengar tadi untuk *mentasymit*. (Mendoakan orang yang bersin, yang telah mengucapkan tahmid, dengan kebaikan dan keberkatan dengan mengucapkan)

Manakala hukum berdehem dan berbisik-bisik pula tidak makruh, seperti berdehem apabila pintu tandas diketuk untuk memberi makluman atau isyarat bahawa dia berada dalamnya.

Di samping itu dapat difahami daripada hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar *Radhiallahu 'anhuma* bahawa menjawab salam juga tidak dituntut:



()

Maksudnya: “Bahawa seorang lelaki telah berjalan melintasi Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam dan Baginda (pada ketika itu) sedang buang air kecil, lalu dia pun memberi salam (kepada Baginda). Maka Baginda Shallallahu ‘alaihi wasallam tidak menjawab salamnya itu.”

(Hadis riwayat Muslim)

- v. Disunatkan tidak bersiwak (membersihkan gigi) sambil qadha hajat.

- vi. Disunatkan tidak meludahi kencingnya.
- vii. Disunatkan tidak duduk terlalu lama (tanpa keperluan) kerana Luqman al-Hakim pernah mengatakan bahawa perbuatan tersebut boleh mengakibatkan penyakit limpa/hati dan menyebabkan buasir (penyakit yang disebabkan urat darah pada dubur membengkak). Maka pesannya, duduklah (untuk qadha hajat) dengan selesa kemudian (segeralah) keluar.

3. Setelah Qadha Hajat

Setelah selesai qadha hajat, perkara yang perlu dibuat ialah *beristinja'* (bercebok) dan hukumnya adalah wajib. Maka antara adabnya ialah:

- i. Sunat *beristinja'* dengan tangan kiri dan makruh menggunakan tangan kanan. Daripada Abu Qatadah *Radhiallahu 'anhu* daripada bapanya bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

...

()

Maksudnya: *“Jika salah seorang daripada kamu kencing, maka janganlah sekali-kali dia memegang zakarnya dengan tangan kanannya dan (begitu juga) janganlah dia beristinja' dengan tangan kanannya.”*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

- ii. Sunat memulakan membasuh kemaluan (hadapan) kemudian barulah dubur jika *beristinja'* dengan air.

- iii. Sunat menggunakan jari tengah ketika beristinja' pada dubur.
- iv. Sunat dibasuh tangan yang digunakan untuk beristinja' dengan tanah dan seumpamanya (seperti sabun) kemudian dengan air. Kemudian membaca doa selepas beristinja':

Ertinya: *“Ya Allah sucikanlah hatiku dari sifat-sifat nifaq dan peliharakanlah kemaluanku dari perkara-perkara keji.”*

Inilah antara adab-adab yang telah disepakati oleh para ulama dan dituntut untuk diamalkan ketika berada dalam tandas. Sekalipun hukumnya hanyalah sunat untuk dikerjakan atau ditinggalkan, namun adalah rugi jika diabaikan kerana adab-adab tersebut sangat mudah dan praktikal. Manakala mereka yang mengamalkannya pula adalah orang yang beruntung kerana mendapat ganjaran pahala di samping mengikut sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Juga tidak dinafikan mungkin terdapat banyak lagi hikmah yang tersembunyi yang tidak diketahui dan tidak disebutkan di sini.